

El Nino yang berlaku di negara ini menyebabkan pelbagai masalah kesihatan kepada masyarakat. Selain menyebabkan peningkatan kes denggi sehingga 50 peratus berikutan cuaca panas, kering dan suhu tinggi, sejauh mana kefahaman orang ramai terhadap istilah dan impaknya secara menyeluruh?



Waspada Ancaman

EL NINO



PROFESOR DR. FREDLIN
TANGANG

Foto: Abdullah Saari Malaysia. Selain
Fakir Pengumpul Komuniti Kerja 1, Panel
Pembinaan dan Antara Kerajaan (PPCC),
Perubahan Bangsa-Bangsa Berbilang.

Mengulas ia pada kali ini, MW
mendapatkan pandangan daripada
pakar Klimatologi dan Oceanografi
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Professor Dr. Fredlin Tangang yang
juga Felo Akademi Sains Malaysia dan juga bekas
Naib Pengerusi Komuniti Kerja 1, Panel Perubahan
Iklim Antara Kerajaan (PPCC), Perubahan Bangsa-
bangsa Berbilang.

Menurut Professor Dr. Fredlin, pekakan El Nino
sebenarnya berasal daripada perkataan bahasa
Sepanyol yang bermakna 'baby boy'.

"Menurut sejarah, penduduk di tepi
pantai di Peru, Amerika Selatan, menggunakan
perkataan El Nino? merujuk kepada kehadiran
arus panas lautan di kawasan laut pesisir Peru
yang membawa kepada pelbagai impak negatif
kepada ekonomi termasuk industri perikanan yang
mendalam.

"Kajian saintifik sejak awal tahun 1980an
mendapati fenomena 'arus panas' di Peru ini adalah
fenomena berkala besar yang berlaku sebagai
ajunan kepada sistem pangsang atmosfera - lautan
di kawasan tropika Lautan Pasifik.

"Yani paras ajunan ini dipanggil sebagai El Nino,
manakala fasa sejuk adalah La Nina. Pemanasan
Lautan Pasifik semasa fenomena El Nino bukan
hanya di pesisir Peru tetapi bermula dari kawasan
tengah-lautan Pasifik sehingga ke bahagian timur
Lautan Pasifik," ujarnya.

Ketika Professor Dr. Fredlin lagi, semasa
fenomena La Nina, penurunan suhu permukaan
laut di kawasan ini berlaku. Kedua-dua fenomena ini
walaupun ia berlaku akibat interaksi lautan-atmosfera
di Lautan Pasifik, tetapi apabila ia berlaku, ia merubah
corak cuaca dan iklim hampir setiap petak di dunia.

"Keadaan suhu permukaan lautan yang
membangkit di kawasan tengah hingga ke timur Lautan

Pasifik menyebabkan kitaran peredaran udara pada
sektor Indo-Pasifik berubah.

"Kawasan rantau Asia Tenggara yang biasanya
menerima banyak hujan semasa keadaan normal akan
mengalami keadaan kering dan kemarau semasa
fenomena El Nino. Tetapi ini bergantung pada musim
dan juga lokasi kawasan.

"Fenomena El Nino kali ini atau biasanya darut
sebagai Fenomena El Nino 2015/2016, sebenarnya
telah bermula sejak bulan Mei 2015 di mana evolusinya
daripada fasa awal ke fasa puncak (bulan Disember-
Januari/Februari) dan fasa menurun (Mac-April/Mei)
dan seterusnya ke keadaan kembali normal (Juni-Julai)
mengambil masa lebih kurang setahun," katanya.

Kefahaman Saintifik Masih Rendah

Kajian yang dijalankan oleh Professor Fredlin
mendapati, impak fenomena El Nino di rantau Asia
Tenggara bergantung pada musim dan tempoh
sepanjang setahun-evolusinya.

"Apabila kita memasuki bulan Disember-Januari-
Februari, dan Mac-April/Mei semasa fenomena El Nino
berlaku kawasan utara Borneo (sumatera Sabah dan
utara Sarawak) dan bahagian selatan Filipina akan turut
mengalaminya.

"Pada bulan-bulan ini kesan terhadap taburan
hujan di Semenanjung Malaysia kurang tetapi seluruh
kawasan di Malaysia akan mengalami cuaca yang
panas dan normal, keadaan ini sedang berlaku
sekarang.

"Di Semenanjung Malaysia ini lebih ketara di
bahagian utara. Di Sabah pada bulan-bulan Januari
hingga April, keadaan kering dan panas boleh
membawa keadaan kemarau yang boleh membawa
kepada krisis bekalan air terutama di bahagian
pedalaman yang sepenuhnya bergantung kepada
hujan sebagai sumber air minuman," ungkapnya.

Menyatakan pengetahuan umum mengenai El
Nino semakin baik sejak El Nino pada 1997/98 yang
lalu, Professor Dr. Fredlin melihat kefahaman saintifik
orang awam mengenai fenomena ini masih rendah.

"Sebenarnya, kefahaman saintifik juga penting
untuk mereka tahu situasi sebenar yang berlaku.
Sebenarnya kajian saintifik sejak 30 tahun lepas telah
membawa kepada pembinaan pelbagai model yang

boleh membuat ramalan
mengapa bila fenomena El Nino
akan berlaku.

"Fenomena El Nino boleh
diramal 6 bulan hingga setahun
sebelum ia bermula. Pencerapan
berterusan di kawasan
tropika Lautan Pasifik juga
membantu saintis memantau
perkembangannya.

Pastinya kesan fenomena
ini akan menyebabkan keadaan
kering dan kemarau di Sumatera
dan Kalimantan menjadikan
keadaan-jeribu yang lebih teruk
kita alami seperti tahun lepas.

"Keadaan kemarau dan
panas di Malaysia akibat
fenomena ini mendatangkan
keadaan yang tidak selesa dan
pelbagai penyakit seperti denggi
juga akan meningkat," ujarnya.

Suhu Panas Penyebab Nyamuk Aktif

Kenyataan Professor Dr.
Fredlin pasti senada dengan
kenyataan yang dikeluarkan

info

Tip rawatan segera

Keluar dari kawasan yang panas
Tanggalkan pakaian yang ketat
Letakkan kain yang basah dan sejuk pada
badan
Gunakan kipas untuk sejukkan badan
Minum air setiap 15 minit
Dapatkan bantuan jika keadaan tidak dapat
dikawal
#Sumber Portal Kementerian Kesihatan
Malaysia

Kerus Pengaruh Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham
Abdullah baru-baru ini.

Menurut Datuk Dr. Noor Hisham, fenomena ini,
yang dianggap berterusan sehingga Mac ini di seluruh
negara, akan menyebabkan kitaran hidup nyamuk
Aedes daripada telur ke peringkat nyamuk dewasa
semakin singkat atau kurang dari tujuh hari, sekaligus
menyebabkan populasi nyamuk meningkat.

"Selain itu, suhu panas akan menyebabkan
nyamuk lebih aktif dan bekulanya menggigit mangsa
adalah tinggi selain penyebaran virus lebih meluas.

"Itupun akibat fenomena El Nino memberi kesan
kepada tabur vektor dan masyarakat, dan pada tahun
ini, ia dijangka berupaya menyebabkan peningkatan
kes denggi sehingga 50 peratus," katanya.

Menurutnya fenomena El Nino menyebabkan
hujan berkurangan dan itu bekalan air berlaku,
yang memaksa masyarakat menakar air bagi
memampung bekalan air harian.

Selubungannya itu, beliau menasihatkan orang
sama supaya memastikan tiada pembekalan Aedes di
kawasan mereka.

Di samping itu, faktor pergakan manusia yang
lebih meluas, kepadatan penduduk yang tinggi dan
proses urbanisasi yang pesat membangun turut
menyumbang kepada peningkatan kes denggi ini.

"Bertandakan pengaruh faktor faktor ini maka
pengalihan denggi memerlukan penglibatan
masyarakat, agensi agensi lain dan semua pihak,"
katanya. **NR**

Tanda dan gejala:

- Sakit kepala
- Kelapahan
- Tumutan lemah
- Pening
- Lemah otot-otot badan atau kekejangan
- Mual dan muntah
- Dehidratasi (kekeringan), keletihan, dan koma
- Stak sedakan dal

Tip-tip pencegahan:

- Minum air dengan banyak, tanpa mengira
tahap aktiviti anda. Jangan tunggu hingga
anda dahaga.
- Minum minuman isotonik kerana ia boleh
menggantikan garam dan mineral yang
hilang semasa beraktiviti.
- Berada di dalam rumah/bangunan
hadkan aktiviti luar

- Berolah dengan kerap
- Mandi atau buai badan selepas untuk
menyebabkan anda
- Pakai pakaian yang ringan, berwarna terang
dan longgar
- Pakai topi atau payung yang besar
Elakkan minuman yang mengandungi kafein,
alkohol, atau kandungan gula yang tinggi.